

Saya tarik diri sebab Anwar – Rahman

Um - 27/5/2007

SEREMBAN 26 Mei – Keputusan penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim menarik diri pada saat akhir daripada merebut jawatan presiden merupakan punca utama seorang lagi calon, Abdul Rahman Othman mengambil tindakan yang sama.

Abdul Rahman ketika diminta memberi reaksi berkata, beliau tidak akan membuat perkara tersebut jika Anwar meneruskan niatnya untuk bertanding.

Beliau berkata, ia dibuat secara spontan sebaik sahaja Anwar menerangkan mengenai rasional cadangannya supaya perwakilan memberi laluan kepada penyandang jawatan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail untuk terus memimpin parti bagi penggal akan datang.

Perkara itu dinyatakan oleh Anwar ketika berucap di hadapan perwakilan pada kira-kira pukul 12 tengah hari ini.

“Tanpa berfikir panjang saya buat keputusan ini apabila melihat Anwar mahu

Wan Azizah terus memimpin parti demi kepentingan dan masa depan parti.

“Saya lihat kenyataan Anwar itu cukup bernas dan bijaksana dan atas sebab ini saya memutuskan untuk menarik diri. Bagi saya apa yang berlaku adalah situasi menang-menang bagi semua pihak,” katanya kepada pemberita pada Kongres Nasional tahunan PKR kali ke-4.

Kongres yang bermula semalam itu berlangsung di Sekolah Tinggi Chung Hua di sini, hari ini.

Abdul Rahman yang juga bekas Timbalan Presiden dan Bendahari Agung PKR menerima tujuh pencalonan jawatan presiden bagi menentang Anwar yang mendapat 120 pencalonan dan Dr. Wan Azizah, 10 pencalonan.

Ditanya peranannya dalam PKR selepas ini Abdul Rahman berkata, sebagai ahli biasa beliau tetap akan memberi sumbangan kepada parti.

“Saya tetap boleh memberi sumba-

ngan kepada parti kerana saya masih seorang ahli,” kata beliau.

Sementara itu, Naib Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali berkata, keputusan Anwar dilakukan secara menyeluruh dan mendapat pandangan pemimpin parti, ahli parti dan penasihat perundangan.

“Malam tadi Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) membincangkan perkara ini dengan serius dan Anwar telah pun membenarkan perkara ini dibincangkan secara terbuka di kalangan perwakilan.

“Selepas itu dibuat, perwakilan dan ahli sudah memahami kedudukan sebenarnya,” ujar beliau.

Dengan keputusan itu, Dr. Wan Azizah akan menerajui PKR sebagai presiden untuk sesi 2007-2010.

Kongres hari ini meluluskan usul khas tergepar di mana Anwar akan menjadi ‘de-facto’ Presiden PKR dan terus memimpin parti ini dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.